

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM WANG SIMPANAN KWSP, SOCSO DAN SEUMPAMANYA BAGI AHLI
YANG BERAGAMA ISLAM YANG MENINGGAL DUNIA.**

1. TAJUK PERSOALAN

Kertas ini dikemukakan untuk mendapat pandangan dan keputusan Ahli –ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengenai “Hukum Wang Simpanan KWSP, SOCSO Dan Seumpamanya bagi ahli yang beragama Islam yang meninggal dunia.

2. LATAR BELAKANG

Isu ini timbul ekoran pertanyaan daripada pihak KWSP kepada JAKIM mengenai;

- 2.1 Hukum simpanan KWSP sama ada dianggap harta pusaka atau tidak.
- 2.2 Sekiranya dianggap harta pusaka, bagaimana KWSP mengagihkannya mengikut hukum faraid dengan berkesan.

3. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

- 3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor telah bersetuju memutuskan bahawa wang KWSP yang disimpan adalah dianggap harta pusaka dan pihak KWSP dinasihatkan memikirkan peraturan-peraturan yang sesuai dan perlu dilaksanakan untuk membahagikan harta tersebut mengikut hukum faraid. Manakala SOCSO, mesyuarat telah bersetuju untuk menengguhkan keputusannya untuk mendapat keterangan yang lebih teliti dan lengkap.
- 3.2 Antara pertimbangan dalam menentukan bahawa wang KWSP adalah harta pusaka iaitu dalam Islam, segala harta peninggalan simati dianggap harta

pusaka yang wajib dibahagikan kepada ahli-ahli waris mengikut hukum faraid. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“ Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka) untuk anak-anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan.....”.

3.3 Berdasarkan keputusan mesyuarat jawatankuasa panel syariah pada 19 Jun 1999 memutuskan bahawa:-

3.3.1 Tabung Haji sendiri menjadi penasihat kepada penama-penama bagi pendeposit dan menasihati mereka supaya membahagikan harta peninggalan pendeposit kepada ahli-ahli lain mengikut hukum faraid.

3.3.2 Mesyuarat seterusnya dimaklumkan bahawa rang undang-undang mengenai ‘penama’ sebagai wasi telah disiapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang JAKIM dan sedang dalam proses untuk dikemukakan kepada peguam negara untuk diwartakan. Antara kandungannya adalah seperti berikut; “Wang yang diterima oleh penerimanamaan atas kematian penama”.

3.3.3 Jika seseorang Islam telah menamakan seseorang dibawah mana-mana undang-undang bertulis untuk menerima wang atas kematian penama itu, orang yang dinamakan sedemikian hendaklah menerima dan memegang wang yang diterima olehnya mengikut penaman itu untuk faedah harta pusaka penama itu dan hendaklah membayar wang itu kepada wasi atau pentadbir penama tersebut mengikut mana-mana yang berkenaan. Dan wasi pentadbir itu hendaklah membahagikan wang itu mengikut hukum syara’.

3.4 **Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’(FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dan menyatakan bahawa wang**

pampasan kematian pekerja yang dianugerahkan oleh kerajaan atau syarikat swasta tidak dikira sebagai harta pusaka.